

**MESYUARAT KETIGA (BELANJAWAN 2021)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KEEMPAT BELAS
PADA HARI AHAD, 29 NOVEMBER 2020, JAM 9.30 PAGI**

SUSUNAN PERKARA-PERKARA MESYUARAT

1. **DOA.**
2. **PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER DEWAN NEGERI JOHOR.**
3. **SOALAN LISAN**

**YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY (TENGGAROH)
SOALAN 1 (A184)**

Daripada 200,000 rakyat Johor telah memohon Bantuan Ihsan Johor tetapi hanya 40,000 orang sahaja diluluskan. Bagaimana kerajaan negeri akan meningkatkan jumlah penerima bantuan?

**YB TUAN TAN CHEN CHOON (JEMENTAH)
SOALAN 2 (A44)**

Nyatakan dengan terperinci berapa jumlah permohonan yang diterima, kelulusannya dan peruntukan untuk kelulusan permohonan mengikut kategori keluarga dan individu bagi Skim Bantuan Ihsan Covid-19 ? Adakah Skim ini akan dibuka semula untuk membantu rakyat memandangkan pandemik Covid-19 masih berterusan?

**YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)
SOALAN 3 (A198)**

Apakah tindakan pihak kerajaan negeri terhadap ketidakberkesanan Bantuan Ihsan Johor di mana ramai yang mengadu masih tidak dapat terima walaupun sudah berjaya. Nyatakan jumlah penerima mengikut DUN.

**YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGKARAM)
SOALAN 4 (A201)**

Ketika pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan, kerajaan Johor telah melancarkan Ihsan Johor untuk memberi bantuan kepada rakyat yang terjejas. Berapakah jumlah wang dibelanjakan untuk program ini, jumlah permohonan yang diterima, jumlah keluarga dan individu yang telah mendapat manfaatnya?

YB TUAN HAJI ABD TAIB BIN ABU BAKAR (MACHAP)

SOALAN 5 (A23)

Nyatakan sejauh mana kebaikan pelaksanaan bantuan Ihsan Johor dalam membantu mereka yang terkesan semasa Covid 19.

YB DATO' SHARIFAH AZIZAH BINTI DATO' SYED ZAIN (PENAWAR)

SOALAN 6 (A35)

Nyatakan jumlah pelaburan asing yang masuk ke negeri Johor dari Mac 2020 hingga kini yang boleh meningkatkan lagi ekonomi negeri Johor memandangkan sekarang kita masih lagi dalam PKPB.

YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)

SOALAN 7 (A86)

Berapakah nilai pelaburan yang masuk ke Negeri Johor sejak Januari 2020 sehingga sekarang mengikut kategori dan jenis pelaburan serta perbandingan dengan tempoh yang sama pada tahun 2019?

YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)

SOALAN 8 (A96)

Minta perincian perancangan dan sasaran Kerajaan Negeri berhubung projek perumahan mampu milik bagi tahun 2021.

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)

SOALAN 9 (A21)

Berapakah usahawan-usahawan telah menyertai program Jualan Makmur Johor (JMJ) bagi membantu meringankan kos sara hidup rakyat di negeri Johor?

YB DATO' IR SYED SIS BIN SYED ABDUL RAHMAN (TANJUNG SURAT)

SOALAN 10 (A38)

Berapakah kes-kes pencemaran sungai yang telah dikesan di Negeri Johor sejak awal tahun ini?

TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)

SOALAN 11 (A85)

Apakah tindakan Jabatan Alam Sekitar dalam mengatasi masalah sungai, pencemaran sungai, longkang serta saluran air di Negeri Johor?

YB DATO' SHARIFAH AZIZAH BINTI DATO' SYED ZAIN (PENAWAR)

SOALAN 12 (A7)

Apakah usaha kerajaan dalam memastikan rantai nilai sektor pertanian negeri Johor yang lebih komprehensif?

YB TUAN TAN CHEN CHOON (JEMENTAH)

SOALAN 13 (A47)

Apakah perancangan, strategi dan langkah-langkah berdaya saing yang boleh dilaksanakan oleh negeri Johor untuk meningkatkan dan memastikan bekalan keselamatan makanan negara terjamin?

YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY (TENGGAROH)

SOALAN 14 (A183)

Apakah perancangan kerajaan negeri untuk anak-anak muda di Johor khususnya di daerah Mersing?

YB TUAN MOHD. KHUZZAN BIN ABU BAKAR (SEMERAH)

SOALAN 15 (A54)

Nyatakan berapakah jumlah Sekolah Agama Negeri Johor mengikut daerah dan bagaimana pihak berkuasa memantau keadaan fasiliti serta infrastrukturnya. Berapa jangka masa diambil bagi memperbaiki setiap aduan yang dibuat?

YB TUAN HAJI ABD TAIB BIN ABU BAKAR (MACHAP)

SOALAN 16 (A28)

Nyatakan usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan negeri bagi menyuburkan pemahaman dan penghayatan terhadap Rukun Negara dalam kalangan pelajar.

YB PUAN HAJAH NOR HAYATI BINTI BACHOK (MAHARANI)

SOALAN 17 (A213)

Susulan pengumuman pemberian bantuan peralatan kepada ibu tunggal dan wanita yang hilang sumber pendapatan akibat pandemik Covid-19, sejauh manakah bantuan ini berkesan membantu mereka sedangkan bantuan modal dan tunai segera yang diperlukan berbanding bantuan peralatan yang bersifat jangka panjang ini?

YB DATO' IR SYED SIS BIN SYED ABDUL RAHMAN (TANJUNG SURAT)

SOALAN 18 (A42)

Adakah benar Jeti Tanjung Pengelih di Pengerang akan ditutup selepas Jeti di Desaru Coast mula beroperasi tahun hadapan?

YB DATO' HAJI OSMAN BIN HAJI SAPIAN (KEMPAS)

SOALAN 19 (A3)

Nyatakan perolehan pungutan cukai dan hasil-hasil lain bagi Majlis Bandaraya Johor Bahru serta perbelanjaannya.

YB TUAN DR. RAMAKRISHNAN A/L SUPPIAH (BEKOK)

SOALAN 20 (A14)

Jumlah pelaburan yang terkumpul dari tahun 2006 hingga Jun 2020 untuk Projek Iskandar Malaysia adalah berjumlah RM322.1 bilion. Saya ingin mendapatkan

maklumat terperinci mengenai syarikat-syarikat yang terlibat dan jumlah pelaburan yang dibuat oleh setiap syarikat.

YB TUAN MD. YSAHRUDDIN BIN KUSNI (BUKIT NANING)

SOALAN 21 (A158)

Berapakah kos bagi kaedah pelaksanaan projek-projek Kecil secara gotong-royong bagi pemotongan rumput di kawasan rizab JPS di bawah pentadbiran kerajaan Perikatan Nasional?

YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)

SOALAN 22 (A97)

Minta perincian jumlah aduan, hasil penilaian serta tindakan Kerajaan Negeri berhubung kejadian tanah runtuh di kawasan kampung dan Felda yang berlaku sepanjang tahun 2020.

YB DATO' HAJI OSMAN BIN HAJI SAPIAN (KEMPAS)

SOALAN 23 (A2)

Berapa banyakkah masjid dan surau baru yang dapat dibina bagi tahun 2019 hingga 2020 dan anggaran kos.

YB TUAN IR. DR. FAIZUL AMRI BIN ADNAN (SEROM)

SOALAN 24 (A114)

Apakah statistik dan kriteria pembukaan semula pasar malam dan pasar tani seluruh daerah di negeri Johor pasca PKPB yang lepas?

YB TUAN MD. YSAHRUDDIN BIN KUSNI (BUKIT NANING)

SOALAN 25 (A160)

Adakah Jawatankuasa Komuniti Harapan Malaysia yang telah terubur secara rasmi 31 Julai 2020, akan digantikan dengan Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA) seperti yang dibentang diperingkat kerajaan persekutuan?

YB PUAN CHEW PECK CHOO (YONG PENG)

SOALAN 26 (A30)

Adakah kerajaan negeri Johor akan mengkaji semula Pekeliling berkenaan Bantuan Bencana Kebakaran daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat yang mana pemilik rumah tidak mendapat bantuan setimpal berbanding dengan penyewa rumah berkenaan?

YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)

SOALAN 27 (A81)

Sektor restoran merupakan salah satu sektor yang menghadapi penurunan perniagaan akibat wabak Covid-19. Apakah usaha kerajaan untuk menolong mereka merencanakan perniagaan mereka?

YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)

SOALAN 28 (A83)

Apakah bantuan yang sedang dan akan diberi kepada pelajar-pelajar yang terpaksa belajar dari rumah terutama bagi golongan B40 dari kawasan pinggir bandar?

YB DATO' ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)

SOALAN 29 (A174)

Jika kita lihat ramai penjaja kecil tepi jalan yang tidak berlesen dengan PBT kawasan. Mereka adalah golongan B40 berpendapatan di bawah RM3,000 sebulan. Apakah kerajaan mempunyai data dan membuat kajian bagaimana untuk membantu golongan B40 ini?

YB TUAN HAJI KHAIRUDDIN BIN A. RAHIM (SENGGARANG)

SOALAN 30 (A67)

Berdasarkan kertas jawapan kerajaan dalam sidang yang lepas, tahun 2020 luas kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) yang dilesenkan 673.96 hektar, jadi hasil purata RM2,478 per ekar. Mengapakah angka ini tersangat rendah dan tidak munabah?

YB TUAN HAJI KHAIRUDDIN BIN A. RAHIM (SENGGARANG)

SOALAN 31 (A70)

Adakah kerajaan bersedia untuk membentuk badan penyiasat bebas yang terdiri pakar-pakar pengurusan dan perkayuan untuk menyiasat sebarang bentuk penyelewengan dalam industri pembalakan di Negeri Johor?

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)

SOALAN 32 (A119)

Apakah perkembangan Johor Economic Taskforce (JET) dan Jawatan Kuasa Reformasi Ekonom Negeri (SERC) dalam pelaksanaan polisi reformasi ekonomi?

YB TUAN TAN HONG PIN (SKUDAI)

SOALAN 33 (A204)

Senaraikan projek-projek bekalan air bawah RMK10 dan RMK11 yang dirancang, dengan menyatakan anggaran projek dan tarikh siap dan gagal, perbelanjaan sebenar dan sebab kegagalan atau tidak diteruskan projek berkenaan.

YB TUAN HAJI ABD TAIB BIN ABU BAKAR (MACHAP)

SOALAN 34 (A27)

Apakah usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan negeri Johor terhadap rumah kuarters kerajaan negeri yang difahamkan masih kedapatan tidak dihuni sehingga sekarang?

YB TUAN DR. RAMAKRISHNAN A/L SUPPIAH (BEKOK)

SOALAN 35 (A16)

IRDA menyasarkan 3 juta penduduk di Iskandar Malaysia menjelang 2025. Sehingga kini populasi Iskandar adalah 1.8 juta sahaja. Adakah IRDA dapat merealisasikan sasaran penduduk sebanyak 3 juta di Iskandar Malaysia menjelang 2025. Apakah tindakan/usaha yang diambil untuk merealisasikan sasaran tersebut?

YB TUAN IR. DR. FAIZUL AMRI BIN ADNAN (SEROM)

SOALAN 36 (A115)

Apakah statistik terkini dan usaha-usaha kerajaan negeri bagi membendung kejadian jenayah seperti samun, rompak dan pecah rumah seluruh negeri Johor khususnya pasca PKP yang lalu ?

YB TUAN JIMMY PUAH WEE TSE (BUKIT BATU)

SOALAN 37 (A66)

Berapakah akaun pengguna yang mendapat manfaat daripada Skim Pemberian Air Percuma dan adakah kerajaan berhasrat untuk meneruskan Skim ini pada tahun depan?

4. PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN BACAAN KALI YANG KEDUA BAGI RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN (2021) TAHUN 2020

----- (BAHASAN YB BACK-BENCHERS) -----

Persidangan ditangguhkan sehingga hari Isnin, 30 November 2020, jam 9:30 pagi.